

Headline	Kami juara		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	13 Jul 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	64
Section	Arena	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	395 cm ²		
PR Value	RM 46,503		



**Pasukan OFA
atasi TUDM
pada cabaran
TNB Liga Hoki
Pulau Pinang**

Muhammad Suhail
Mohd Shapiee
sukan@hmetro.com.my

Georgetown

Pasukan bekas pelajar Old Frees' Association (OFA) muncul juara pertandingan TNB Liga Hoki Pulau Pinang 2016 selepas menumpaskan Tentera Uda-ra Diraja Malaysia (TUDM) pada perlawanan akhir di Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Perlawanan akhir itu berlangsung sengit apabila kedudukan terikat 4-4 hingga tamat masa sebenar perlawanan sebelum OFA menang 4-2 menerusi penentuan penalti.

Ketua pasukan OFA, Ezuan Ghazali berkata, ia kali pertama pasukannya menang selepas lima tahun menanti kejohanan hoki itu diadakan di Pulau Pinang berikutnya tiada penaja sebelum ini.

"Kami mendahului TUDM



PEMAIN OFA meraikan kemenangan selepas muncul juara kejohanan TNB Liga Hoki Pulau Pinang 2016.

menerusi jaringan Muhammad Fahmi Zakaria dan tiga gol Izwan Firdaus Zakaria, tapi mereka tidak mudah meyerah kalah apabila mengikat kedudukan 4-4 hingga tamat perlawanan sebelum kami menang 4-2 menerusi penentuan penalti.

"Saya puas serta bangga dapat membantu pasukan dalam kejohanan rasmi seperti ini kerana sebelum ini kami hanya bermain dalam kalangan bekas pemain hoki sekolah sebagai acara tahunan untuk mengeratkan hubungan silaturahim.

"Kami mengambil masa lima tahun untuk membentuk pasukan hoki OFA kerana masing-masing mempunyai komitmen kepada keluarga dan kerja, tapi cara permainan dapat diserasikan melalui kekerapan mengadakan perlawanan persa-

batan dengan pasukan di seluruh negara," katanya.

Kemenangan itu membolehkan OFA membawa pulang wang tunai RM3,000, plak dan piala kejohanan yang disampaikan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) Da-

tuk Seri Subahan Kamal.

TNB menyumbang RM50,000 kepada Persatuan Hoki Pulau Pinang untuk menganjurkan pertandingan sepanjang tahun ini, sekali gus mampu memastabatkan sukan hoki serta mencungkil bakat baharu.